

BAB EMPAT

PEMBANGUNAN DIRANCANG

4.0 Pengenalan

Pembangunan dirancang merujuk kepada usaha sedar manusia dalam merancang perubahan, dan usaha ini melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya, antaranya perencana, pelaksana, penerima, dan pembiaya. Dalam kontek masyarakat, pembangunan menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat termasuk ahli politik, golongan profesional, ahli akademik, pemodal, pakar teknologi, petani, pekerja, dan anggota masyarakat lain.

Rancangan pembangunan kebiasaanya dirakamkan secara bertulis ke dalam buku yang dinamakan Rencana Pembangunan. Buku ini menjadi garis panduan terperinci tentang perkara-perkara seperti, objektif, dasar, strategi, dan cara perlaksanaan. Usaha perancang pembangunan ini ditentukan tempoh perlaksanaan oleh pemerintah sama ada 5, 8, 10, 15 atau 20 tahun untuk mencapai matlamatnya. Ringkasan setiap rencana pembangunan dilengkapi dengan perincian anggaran belanjawan (Shamsul Amri 1990).

Setelah matlamat pembangunan dilaksanakan, tindakan susulan perlu dilakukan. Tindakan ini perlu untuk menilai

sejauh mana program pembangunan yang dijalankan berupaya mencapai matlamat. Teune dan Mliner (1978) telah menilai ukuran pembangunan berdasarkan dua bentuk, pembangunan secara langsung atau yang dirancang, dan pembangunan umum. Pembangunan secara langsung dilihat berdasarkan komponen pembangunan yang terlibat dibandingkan secara terus, dan pembangunan secara tidak langsung melibatkan kepelbagian dan interaksi di antara komponen yang berlaku secara tidak langsung.

Dalam bab ini perbincangan akan ditumpukan kepada aspek pembangunan secara langsung atau dengan lain perkataan pembangunan yang dirancang. Pembangunan ini dilakukan khusus untuk kemajuan dan kemakmuran Orang Asli khususnya masyarakat Jakun. Antara bentuk pembangunan terancang yang akan dibincangkan meliputi pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, penglibatan JHEOA sebagai badan induk, dan agensi-agensi kerajaan lain yang turut sama membantu membangunkan masyarakat Orang Asli.

4.1 Pembangunan Ekonomi

Dalam merangka dan melaksanakan program pembangunan untuk masyarakat Orang Asli secara lebih berkesan dan menepati matlamat serta cita-cita seperti yang terkandung di dalam panduan tugas, maka program pembangunan ekonomi mendapat keutamaan di samping pembangunan sosial.

Melalui program pembangunan ekonomi yang bertujuan membangunkan masyarakat Orang Asli supaya dapat berdikari. Di samping dapat meninggikan pendapatan serta taraf hidup mereka seiring dengan masyarakat Malaysia yang lain. Dengan itu JHEOA selaku agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Orang Asli telah merangka program pembangunan yang tersusun di bawah program pembangunan ekonomi. Antara projek yang terlibat seperti pembangunan tanah, perusahaan dan industri, bimbingan usahawan, pertanian, ternakan dan perikanan, serta pembelian alat, dan jentera pertanian.

Melalui program pembangunan ini semua masyarakat Orang Asli mempunyai peluang untuk menyertai mana-mana projek. Namun ini tidak bermakna semua perkampungan Orang Asli mempunyai kesemua projek pembangunan tersebut. Terdapat sesetengah perkampungan Orang Asli di daerah Rompin yang diperuntukan lebih dari satu atau dua projek pada satu-satu masa. Sedangkan di kampung-kampung lain tidak ada sebarang projek pembangunan dijalankan.

Di bawah program pembangunan ekonomi perbincangan akan pecahkan mengikut kampung. Pertama berdasarkan pembangunan ekonomi di Kampung Langkap, dan kedua merdasarkan pembangunan ekonomi di Batu Tiga. Diharap menerusi pembahagian ini, perbezaan yang jelas di antara kedua-dua kampung ini dapat dipaparkan.

4.1.0 Kampung Langkap

Program pembangunan ekonomi di Langkap mula mendapat perhatian selepas kehadiran pengkaji. Sebelum itu komuniti di kampung ini tidak menerima sebarang bentuk program pembangunan yang dirancang untuk masyarakat Orang Asli. Penduduk di Langkap bergantung sepenuhnya kepada hasil-hasil hutan seperti buluh dan rotan untuk menyara keluarga.

Menyedari hakikat kemiskinan di kalangan penduduk di sini, dengan menyaksikan sendiri masalah penduduk setempat. Di samping menyedari tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan, maka pengkaji cuba melaksanakan satu projek kecil. Selepas sebulan pengkaji tinggal bersama-sama penduduk di Langkap, pengkaji mencadangkan kepada *Batin Yasa* untuk menanam sayur-sayuran di kawasan sekitar rumah. *Batin* yang mempunyai cita-cita tinggi untuk memajukan anak-anak buahnya telah menyatakan persetujuannya.

Bermula hanya dengan sebatang cangkul, sebilah parang, kami memulakan tugas membersihkan kawasan tapak kebun. Kawasan ini terletak betul-betul bertentangan dengan pondok pengkaji dan rumah *Batin Yasa*. Kawasan ini pada mulanya dipenuhi dengan lalang setinggi paras dada (lihat gambar 17). Setelah ditebas, dan dibakar, kerja-kerja mencangkul dimulakan. Kerja-kerja mencangkul mengambil masa yang agak

lama kerana akar-akar lalang perlu dibuang satu persatu¹. Kebiasaannya kerja-kerja ini dilakukan sebelah pagi antara pukul 9.30 - 11.30 pagi, dan pukul 3.30 - 6.30 petang setiap hari.



Gambar 17 : Kawasan Tapak Kebun Sayur Sebelum Dibersihkan.

Berbekalkan sedikit pengetahuan yang ada pada pengkaji tentang teknik-teknik penanam yang dipelajari semasa di bangku sekolah, maka ia telah cuba dipraktikkan. Berkat kesungguhan dan kesabaran *Batin Yasa*, kawasan tapak kebun seluas kira-kira 20' x 40' telah berjaya disiapkan. Dengan

¹. Kerja-kerja ini lebih dikenali dengan 'menjangkas' .

menggunakan benih dan baja yang dibeli dari bandar Muadzam Shah, kawasan ini ditanam dengan kangkong, kacang panjang, petola, dan jagong (lihat gambar 18).



Gambar 18 : Keadaan Kawasan Tapak Kebun Sayur Setelah Dibersihkan.

Selepas kawasan tersebut mengeluarkan hasil, maka penduduk kampung yang lain mula menunjukan minat mereka untuk berkebun. Mereka mula menyedari bahawa kawasan sekitar rumah boleh ditanami dengan berbagai jenis sayur-sayuran, dan mereka tidak perlu lagi kehutan untuk meramu.

Seluruh penduduk kampung telah mula membersihkan

kawasan sekeliling rumah mereka untuk dijadikan kebun sayur. Berbekalkan tiga batang cangkul yang ada di kampung ini, mereka bergilir-gilir menggunakannya. Setiap kelamin mempunyai sekurang-kurannya satu kawasan yang dibersihkan untuk tujuan ini. Seperkara yang dikira menarik ialah, didapati setiap anak muda mempunyai kawasan kebun sayurnya sendiri. Mereka tidak berkongsi dengan ibu bapa masing-masing, sebaliknya mereka membentuk kawasan sendiri. Tujuannya supaya mereka dapat menghasilkan pengeluaran yang lebih banyak dan mereka bercita-cita ingin memasarkan ke bandar Muadzam Shah.

Melihat kesungguhan penduduk Langkap yang begitu bersungguh-sungguh amat mengharukan, walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Di samping itu pengkaji juga merasakan tidak lagi berupaya membekalkan benih serta baja untuk seluruh penduduk kampung, maka usul ini telah dikemukakan kepada pihak jabatan untuk mendapatkan bantuan.

Menerusi satu program khas yang dinamakan KUMTIS atau Kumpulan Tindakan Sivik JHEOA, maka satu majlis khas diadakan di kampung ini. Seluruh penduduk kampung kelihatan begitu gembira kerana mereka dikunjungi oleh orang luar. Program KUMTIS ini secara teorinya dirangka untuk memberi tumpuan kepada perkampungan Orang Asli yang bermasalah. Dengan lain perkataan kampung-kampung yang mundur, tidak ada sebarang projek pembangunan, dan kampung-kampung yang

ditumpangi oleh pendatang Indonesia. Program ini telah berjaya dilaksanakan di Langkap pada 29hb.Jun.1994, dan 30hb.Jun.1994. Tarikh ini merupakan detik bersejarah kepada seluruh penduduk Langkap.

Melalui program ini seluruh penduduk kampung berjaya berkumpul dan diberi peluang untuk bersama-sama dengan agensi lain mengemukakan masalah yang dihadapi. Masalah dan keperluan masyarakat Langkap telah dibincangkan dalam satu majlis formal. Antara agensi yang terbabit seperti JHEOA, Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah, dan Jabatan Pendaftaran (bagi tujuan membuat kad pengenalan).

Menerusi program ini penduduk setempat mengusulkan sebatang jalan baru dibina, sebuah tong racun, racun lalang, benih sayuran, dan peralatan pertanian. Di samping itu isu tanah turut sama dibincangkan.

Program yang julung kalinya diadakan ini memperlihatkan hasil yang cukup membanggakan. Menerusi program ini juga penduduk Langkap didapati mula mendapat bantuan menerusi projek pembangunan ekonomi. Tindakan susulan telah dibuat oleh pihak Jabatan Pertanian bagi merealisasikan projek tanaman sayur. Seluruh penduduk kampung diberikan kursus sehari berhubung dengan teknik-teknik penanaman yang betul. Kursus ini diadakan dalam dua sesi, pertama ceramah berbentuk teori dan kedua berbentuk

praktikal (lihat gambar 19).



Gambar 19 : Pegawai Dari Jabatan Pertanian Sedang Memberi Penerangan Secara Teori Tentang Kaedah Penanam Sayur Yang Betul Kepada Penduduk Kampung.

Projek tanaman sayur ini diteruskan dengan kerja sama dari pihak Jabatan Petanian. Benih-benih sayur seperti jagong manis, kacang panjang, kacang buncis, bendi, cili, petola, dan bayam telah diberikan secara percuma. Setiap orang yang mempunyai kawasan kebun sayur diberikan dua jenis benih sayur. Tujuannya supaya mereka dapat menghasilkannya dalam kuantiti yang lebih banyak untuk kawasan yang terhad.

Menerusi program KUMTIS didapati perubahan yang ketara berlaku di kalangan penduduk Langkap. Mereka didapati mula mendapat perhatian pihak jabatan.

Di bawah program pembangunan ekonomi pihak JHEOA dengan kerjasama Pejabat Daerah, dan Jabatan Pertanian telah merangka satu projek pertanian komersial di Langkap. Tanaman yang dipilih ialah tebu, yang melibatkan kawasan seluas empat ekar. Pejabat Daerah menjadi pembiaya sepenuhnya kepada pembelian benih-benih tebu. Sementara Jabatan Pertanian ditugaskan mendapatkan benih-benih tebu dan menguruskan proses penghantaran serta pemberi bantuan teknik kepada peserta projek. JHEOA pula berperanan memberi bantuan dalam bentuk racun lalang, racun serangga, baja, dan peralatan pertanian seperti cangkul, parang, dan sabit.

Projek tanaman tebu secara komersial merupakan projek pertama yang dijalankan di bawah program pembangunan ekonomi untuk penduduk di Langkap. Walaupun projek ini bukan merupakan projek JHEOA sepenuhnya, sebaliknya ia lebih merupakan projek kerjasama. Namun masyarakat di Langkap begitu berterima kasih kepada pihak jabatan.

Kawasan tapak projek dipilih oleh wakil Jabatan Pertanian, dan kedudukannya tidak jauh dari kawasan perkampungan. Sekali lagi pengkaji telah diberikan tugas menyelia kerja-kerja pembersihan kawasan seluas empat ekar

untuk projek ini.

Setiap petang salah seorang daripada anggota kelamin dikehendaki menghantar wakil untuk melakukan kerja-kerja pembersihan tapak projek. Kerja-kerja ini dilakukan setiap hari antara jam 5.00 - 6.30 petang. Pengurusan pengendalian tapak projek berjalan lancar dengan kerjasama yang amat baik dari seluruh penduduk kampung.

Peserta projek yang telah mengikuti syarat dengan menghantar wakil setiap hari diberi hak ke atas projek tersebut. Pembahagian projek ini dikira berdasarkan jumlah kelamin dan jumlah anak benih tebu. Proses seterusnya yang melibatkan kegiatan penanaman akan dilakukan oleh anggota kelamin berdasarkan jumlah benih yang diperolehi.

Sehingga kajian siap dilakukan di Langkap, projek ini masih berada pada peringkat penyediaan tapak. Sejauh mana kejayaan projek ini mencapai matlamatnya tidak dapat dipastikan.

4.1.1 Kampung Batu Tiga

Program pembangunan ekonomi turut dilaksanakan oleh pihak JHEOA di Kampung Batu Tiga. Walau bagaimanapun projek pembangunan ekonomi yang dirancang tidak melibatkan penduduk kampung secara menyeluruh seperti yang berlaku di

Langkap. Hanya mereka yang berminat sahaja mendapat peruntukan di bawah program pembangunan ini.

Fenomena ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk mendapatkan pendapatan tetap, mudah diperolehi. Oleh itu penduduk lebih memberi tumpuan kepada pekerjaan di kilang-kilang berhampiran, dan juga kerja-kerja di sektor perburuhan. Faktor kedua boleh dilihat dari segi jenis tanah yang kurang sesuai untuk dijadikan kawasan pertanian. Didapati sebahagian besar daripada bahagian belakang rumah penduduk di Batu Tiga merupakan kawasan berpaya. Hanya sebahagian kecil sahaja yang tidak berair.

Akhir sekali faktor kekurangan pengetahuan di kalangan penduduk. Didapati masih ramai masyarakat Orang Asli yang tidak mengetahui dan tidak menyedari peluang dan hak yang boleh dipohon dan diterima oleh mereka. Contohnya peluang untuk memohon mengikuti kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh jabatan. Begitu juga peluang untuk mendapatkan modal bagi menjalankan aktiviti perniagaan.

Hanya seorang daripada penduduk Batu Tiga yang berpeluang dan mendapat faedah dari projek pembangunan ekonomi yang dirancang oleh JHEOA. Beliau menjadi peserta projek ternakan ayam secara kecil-kecilan. Menerusi projek ini beliau diberi sejumlah lima puluh ekor anak ayam untuk

dipelihara. Sebuah reban yang dikelilingi oleh pagar telah didirikan kira-kira sepuluh meter dari rumah (lihat gambar 20).



Gambar 20 : Keadaan Reban Ayam Yang Dimiliki Oleh Seorang Penduduk Kampung Batu Tiga.

Umumnya ini projek ini berjalan lancar dan sering dilawati oleh pengurus projek disebabkan kedudukannya yang berhampiran dengan pejabat (lebih kurang enam kilometer). Walau bagaimanapun projek ini didapati tidak ekonomik memandangkan jumlah yang dipelihara terlalu sedikit. Masalah pasaran juga timbul akibat dari jumlah yang sedikit. Berdasarkan temubual dengan peserta projek ini, beliau hanya menjual kepada penduduk kampung sahaja. Jumlah yang dijual tidak menentu antara satu atau dua ekor sebulan, jumlah ini bergantung kepada keadaan dan

keperluan. Sekiranya mereka ingin mengadakan majlis atau jamuan keluarga maka ayam-ayam ini akan dijual lebih banyak.

Projek ternakan ayam merupakan satu-satunya projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Batu Tiga dan wujud hingga kehari ini. Menurut penduduk setempat mereka pernah mengusahakan projek tanaman sayur. Projek ini telah diusahakan oleh beberapa kelamin. Menurut salah seorang daripada bekas peserta, projek tanaman sayur ini gagal bertahan kerana masalah yang sama dengan ternakan ayam.

Disebabkan jumlah dan keluasan yang ditanam tidak ekonomik lalu ia menimbulkan masalah pasaran. Bagi peraih jumlah tersebut terlalu sedikit untuk dibeli, sementara bagi peserta jumlah yang ditanam tidak habis untuk dimakan. Isu ini pernah diutarakan oleh Wan Zawawi (1993) dalam artikelnya.

"At one time, at Batu Tiga, there was kacang (long beans) farming, but after they grew it, you want to say that is a lot, it is not, but you can't finish eating them. From the market (commercial) point of view, people want to come and collect in one lorry, its not enough. This is the problem with Orang Asli agriculture. you can't eat all of them, neither can you sell

them. Not enough to make it economical to sell"

(dipetik dari Wan Zawawi 1993:6).

4.2 Pembangunan Sosial

Nilaian pembangunan boleh dilihat berdasarkan dua konsep asas, iaitu secara kuantitatif dan kualitatif. Perubahan yang berasaskan konsep kuantitatif boleh dinilai menerusi peningkatan taraf ekonomi. Manakala pembangunan yang berasaskan kualitatif melibatkan penyediaan keperluan seperti perlindungan, bekalan air bersih, sistem kebersihan, pendidikan, dan lain-lain. Dengan erti kata lain, pembangunan seharusnya melibatkan unsur-unsur ekonomi dan sosial, supaya kedua-duanya seiringan.

Sehubungan dengan itu pihak JHEOA turut menitik beratkan unsur-unsur pembangunan sosial di kalangan masyarakat Orang Asli. Usaha ke arah membentuk pembangunan sosial di kalangan masyarakat Orang Asli terpancar melalui program pendidikan, khidmat kesihatan, perumahan, pembangunan rohani, pembangunan keluarga, dan infrastruktur.

Program pembangunan sosial yang dirancang sebegini rupa oleh JHEOA bertujuan untuk memenuhi cita-cita dan hasrat masyarakat Orang Asli di seluruh negara. Walau

bagaimanapun usaha ini masih belum menyeluruh dan belum mencakupi kesemua kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli. Oleh itu perbincangan berhubung dengan isu ini hanya berdasarkan program pembangunan yang terdapat di kedua-dua kampung yang dikaji sahaja.

4.2.0 Pembangunan Sosial Di Langkap

Program pembangunan sosial yang wujud di Langkap didapati berada pada tahap minima. Masyarakat di sini hanya menerima tempiasan dari program pembangunan sosial yang dirancang. Sekali imbas masyarakat di Langkap kelihatan seperti tidak mendapat perhatian dan pembelaan dari pihak jabatan. Mungkin ramai yang akan meluahkan perasaan kurang puas hati dengan kenyataan 'masyarakat di Langkap diabaikan'. Namun hakikat ini boleh dibuktikan dengan banyak alasan, seperti ketiadaan sebarang projek pembangunan sebelum kehadiran pengkaji, keadaan kampung itu sendiri, dan juga melalui kenyataan yang dilahirkan oleh penduduk kampung.

Menerusi bidang pendidikan misalnya, hanya terdapat dua orang sahaja dari jumlah keseluruhan penduduk seramai 109 orang yang bersekolah diperingkat rendah. Hakiakatnya kanak-kanak di Langkap tidak berpeluang bersekolah disebabkan beberapa faktor. Misalnya masalah kurangnya perhatian oleh pihak jabatan mendaftarkan kanak-kanak untuk

disekolahkan. Selain dari itu kedudukan sekolah yang jauh dari kawasan perkampungan, dan sekiranya kanak-kanak disini ingin ke sekolah mereka perlu ke Muadzam Shah atau Bukit Ibam. Keadaan penduduk yang menghadapi masalah kemiskinan turut menyulitkan keadaan untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah tanpa bantuan dari pihak terbabit. Namun ini tidak mermarkna masyarakat setempat menolak sistem pendidikan yang ada, lalu hanya terdapat dua orang sahaja yang bersekolah.

Hakikatnya kedua-dua orang pelajar ini berpeluang ke sekolah disebabkan mereka tidak tinggal bersama kedua ibu bapa mereka di Langkap. Sebaliknya mereka tinggal bersama kedua dato dan nenek mereka di Bukit Ibam, yang terletak kira-kira 20 km dari langkap. Kedua-dua orang pelajar ini mendapat dorongan kuat daripada ibunya yang berasal dari Bukit Ibam, tetapi kini menetap di Langkap bersama suaminya. Menurut ibu muda ini beliau mengutamakan pendidikan kepada anak-anaknya memandangkan keadaan hidup hari ini yang mementingkan 'orang pandai'.

'Amai hempak sanggup anak-anak amai hempak sekolah, biarlah hanya amai yang hempak sekolah.... amai bimbang kalau anak-anak hempak sekolah, apa mereka mau buat kerja, apa mau makan, bila sudah besar. Hutan sekarang dah tak boleh harap...'

Atau dalam bahasa Melayunya,

Makcik tidak sanggup melihat anak-anak Makcik tidak bersekolah, biarlah hanya Makcik yang tidak bersekolah.... Makcik bimbang kalau anak-anak tidak bersekolah kerja apa yang mereka boleh lakukan, apa yang akan mereka makan, bila sudah besar. Hutan sekarang sudah semakin kurang dan tidak boleh diharapkan lagi....'

Kedua-dua pelajar tersebut hanya pulang ke kampung sekali-sekala. Mereka hanya akan pulang apabila dijemput oleh kedua ibu bapa mereka. Menurut *Amai* lagi kedua-dua anaknya tidak suka tinggal di Langkap kerana mereka akan mengalami masalah untuk ke sekolah.

Sekiranya kedua-dua pelajar ini tidak di ambil kira sebagai anggota komuniti kampung ini, maka tidak ada penduduk di Langkap yang mendapat pendidikan.

Selain dari itu, menurut salah seorang daripada pemuda di kampung ini, beliau melahirkan rasa sedihnya kerana tidak berpeluang untuk bersekolah. Menurut beliau,

'Kam memang nak sekolah, tapi hempak daya, emak sama bapa kam hempak ada wang, sekolah jauh, orang pejabat hempak datang ambik kam sama kawan-

kawan ke asrama...'

Atau dalam Bahasa Melayunya

'Saya memang ingin bersekolah, tetapi tidak berupaya, emak dan bapa saya tidak ada wang, sekolah jauh, orang pejabat tidak datang mengambil saya dan kawan-kawan ke asrama....'

Remlah yang merupakan abang kepada Sena turut mengakui hakikat ini. Mereka didapati sependapat menyatakan bahawa tidak ada wakil jabatan yang datang ke kampung untuk mendaftarkan kanak-kanak yang layak ke sekolah. Walaupun semua ini merupakan sebahagian dari tugas dan tanggugjawab pihak JHEOA.

Menyedari masalah penduduk di Langkap yang tidak berpeluang bersekolah amat serius, maka pengkaji telah mengusulkan masalah ini kepada pihak Jabatan semasa program KUMTIS dijalankan.

Berdasarkan pengakuan secara lisan, pihak jabatan bersetuju untuk membuat bincian pada bulan Disember 1994, untuk kemasukan pelajar bagi tahun berikutnya. Walau bagaimanapun didapati usaha menghantar kanak-kanak di Langkap ke sekolah masih belum berhasil dilaksanakan.

Program pembangunan dirancang yang kedua merujuk kepada kemudahan perkhidmatan kesihatan oleh pihak JHEOA. Khidmat kesihatan yang ditawarkan bertujuan meningkatkan mutu kesihatan masyarakat Orang Asli. Di samping mengawal beberapa jenis penyakit merbahaya di kalangan masyarakat ini. Antara jenis penyakit merbahaya yang sering dihadapi oleh masyarakat Orang Asli seperti demam Malaria, dan penyakit Untut yang disebabkan oleh nyamuk.

Khidmat kesihatan yang diterima oleh penduduk di Langkap tidak begitu jelas, berbanding dengan khidmat kesihatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sepanjang tiga bulan pengkaji berada di Langkap masyarakat di sini hanya menerima khidmat penghantaran balik pesakit dari hospital Kuatan ke rumah. Penghantaran ini dilakukan oleh ambulan JHEOA untuk kes ibu yang baru melahirkan anak dan satu lagi penghantaran kes demam Malaria dari kampung ke hospital Bukit Ibam. Selain dari itu tidak ada perkhidmatan kesihatan yang diterima oleh penduduk Langkap menerusi program ini.

Hanya berdasarkan aspek pendidikan dan kesihatan sahaja penduduk di Langkap menerima program pembangunan dirancang, yang dirangka oleh pihak JHEOA. Namun perkhidmatan yang diterima dan ditawarkan tidak dapat memenuhi cita-cita dan hasrat kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun sepatutnya masyarakat di sini layak dan berhak menerima semua bentuk

program pembangunan yang telah dirancang. Misalnya dari segi bantuan perumahan, pembangunan rohani, pembangunan keluarga, infrastruktuf dan lain-lain.

4.2.3 Pembangunan Sosial Di Batu Tiga

Masyarakat Jakun di Batu Tiga lebih bernasib baik berbanding dengan mereka di Langkap dari berbagai segi. Kedudukan Batu Tiga ini sendiri yang berhampiran dengan pejabat pentadbiran JHEOA Daerah telah menjadi satu kelebihan. Menerusi program pembangunan sosial yang dirancang oleh JHEOA masyarakat di Batu Tiga berpeluang menikmati kemudahan yang disediakan. Antara yang jelas seperti dari segi perumahan, pendidikan, kesihatan, pembangunan keluarga, dan kemudahan infrastruktur.

Di bawah program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) lebih 80% daripada penduduk di Batu Tiga berpeluang mendapat bantuan rumah. Mereka yang didapati berada di bawah garis kemiskinan dikira layak menerima bantuan ini bagi menggantikan rumah-rumah tradisi masyarakat ini. Rumah-rumah ini dibina dari bahan berasaskan kayu, dan berbumbung zink. Terdapat tiga ruang utama yang terdiri dari ruang tamu, bilik tidur (satu bilik), dan ruang untuk memasak. Bagi mereka yang berkemampuan rumah-rumah ini telah diubah suai mengikut keperluan kelamin masing-masing.

Walau bagaimanapun bagi penduduk Batu Tiga yang baru menetap, kebanyakannya rumah-rumah mereka masih berbentuk rumah tradisi. Keadaannya kelihatan amat daif, dindingnya diperbuat daripada kulit kayu, tiangnya dari batang-batang pokok (berbentuk bulat), lantainya dari buluh atau kayu belah, dan bumbungnya dari daun nipah (lihat gambar 21). Manakala gambar 22 menunjukan rumah moden penduduk Batu Tiga, rumah ini dibina oleh pihak jabatan dan telah diubah suai.



Gambar 21 : Keadaan Rumah Traditional Salah Seorang Daripada Penduduk Di Batu Tiga.



Gambar 22 : Keadaan Rumah Moden Salah Seorang Daripada Penduduk Batu Tiga.

Kebanyakan rumah-rumah berbentuk tradisi hanya mempunyai satu atau dua ruang sahaja. Ruang utama yang berfungsi sebagai ruang tamu dan tempat tidur, dan kedua ruang dapur untuk tujuan memasak. Ruang dapur ini juga turut dijadikan ruang tidur sekiranya ada tetamu yang datang.

Peluang untuk penduduk di Batu Tiga mendapat pendidikan didapati jauh lebih baik, dan ini terbukti melalui peratusan mereka yang menerima pendidikan jauh lebih tinggi berbanding dengan di Langkap. Masyarakat di sini berpeluang mendapat pendidikan bermula dari peringkat

pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan kelas dewasa.

Pendidikan di peringkat pra sekolah boleh diperolehi di kampung ini yang bertempat di Dewan Serba Guna (DSG). Pendidikan peringkat ini dibawah pengendalian Kemas daerah, dengan tenaga pengajar yang terdiri dari seorang guru terlatih dari KEMAS, dan pembantu yang terdiri daripada penduduk tempatan.

Pendidikan pra sekolah di Batu Tiga hanya bermula pada sesi Januari 1995, iaitu selepas kajian siap dijalankan. Menurut penduduk tempatan mereka amat berterima kasih kepada semua pihak terbabit yang memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan.

Pendidikan di peringkat rendah boleh diperolehi dari sekolah berhampiran. Terdapat tiga buah sekolah rendah yang boleh dipilih oleh penduduk tempatan. Dua daripadanya sekolah rendah aliran Melayu, dan sebuah lagi sekolah jenis kebangsaan (cina). Terdapat sebilangan ibu bapa di Batu Tiga menghantar anak-anak mereka ke sekolah beraliran Cina. Kebanyakan daripada mereka yang menghantar anak-anak ke sekolah beraliran Cina terdiri daripada mereka yang berdarah campuran Cina. Namun tidak dinafikan ada di kalangan sesetengah ibu bapa masyarakat Jakun yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah beraliran Cina

dengan tujuan untuk menambahkan penguasaan bahasa di kalangan anak-anak mereka. Manakala menurut kenyataan salah seorang daripada informan yang ditemui menyatakan tujuan utama beliau menghantar anak beliau ke sekolah beraliran Cina untuk meningkatkan penguasaan matematik anaknya.

Sekolah yang paling hampir terletak kira-kira 2.5km dari kampung, dan dua buah sekolah lagi terletak kira-kira 6km dari kampung. Pendidikan peringkat menengah boleh diperolehi oleh penduduk tempatan di dua buah sekolah. Pertama sekolah Menengah Rompin, atau Sekolah Menengah Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah, Rompin. Walau bagaimanapun kesemua penduduk yang mendapat pendidikan peringkat menengah tidak memilih pendidikan vokasional. Kebanyakan mereka hanya tertumpu kepada Sekolah Menengah Rompin sahaja.

Para pelajar di Batu Tiga berpeluang untuk memilih sama ada ingin tinggal di Asrama JHEOA atau tinggal bersama keluarga mereka. Terdapat beberapa orang pelajar yang mengambil peluang untuk tinggal di asrama berhampiran. Namun jumlah mereka sukar dicatat kerana ada di antara mereka hanya tinggal untuk tempoh yang singkat sahaja. Tidak kira sama ada berulang alik dari rumah atau yang tinggal di asrama, semua pelajar-pelajar ini mendapat bantuan tambang pengangkutan percuma, dan bantuan tinggal di asrama secara percuma.

Masyarakat di Batu Tiga yang buta huruf tetapi berminat untuk belajar berpeluang menerima pendidikan dari kelas dewasa. Kelas dewasa yang diwujudkan di kampung ini adalah hasil inisiatif penduduk tempatan. Kelas ini diwujudkan selepas penduduk setempat sebulat suara bersetuju untuk mengadakan kelas ini. Dengan bantuan tenaga sukarela yang ada di kampung ini, kelas ini telah dijalankan. Walau bagaimanapun berapa lama kelas ini mampu bertahan, tidak dapat dipastikan. Berdasarkan lawatan susulan yang dilakukan selepas kajian siap dilakukan didapati kelas-kelas ini semakin kekurangan bilangan pelajarnya.

Menerusi program pembangunan keluarga, para wanita di Batu Tiga berpeluang mengikuti kelas-kelas masakan yang dianjurkan oleh KEMAS. Program ini dibentuk bagi tujuan memberi pendedahan kepada suri rumah berhubung dengan kegiatan ekonomi rumah tangga. Para wanita ini diberi tunjuk ajar oleh guru KEMAS yang bertauliah untuk menghasilkan makanan berkhasiat, dan tidak memerlukan belanja yang mahal. Menerusi program ini para wanita dan anak gadis yang berminat berpeluang mengikuti kelas-kelas masakan yang diadakan seminggu sekali.

Penduduk di Batu Tiga turut berpeluang menikmati kemudahan infrastruktur yang agak baik berbanding dengan penduduk Langkap. Antara infrastruktur yang terdapat di

sini ialah balai raya. Terdapat dua buah balai raya telah didirikan di kampung ini, satu daripadanya dikenali dengan balai raya lama dan satu lagi balai raya baru.

Bentuk balai raya lama yang terdapat di sini berasaskan reka bentuk rumah masyarakat Minangkabau. Balai raya ini dibina di atas satu kawasan tanah lapang di tengah-tengah kampung. Ketinggiannya kira-kira tiga kaki dari paras tanah, mempunyai dinding separas pinggang, hanya mempunyai satu ruang, dan bumbungnya berbentuk seperti tanduk kerbau.

Menurut *Mamak Batin* balai raya ini berbentuk sebegitu rupa disebabkan pegawai yang bertanggungjawab meluluskan pembinaan projek tersebut berasal dari Negeri Sembilan. Kecenderungan beliau terhadap ciri-ciri seni budaya Minangkabau telah menghasilkan reka bentuk balai raya tersebut. Bagaimanapun reka bentuk balai raya tersebut didapati kurang praktikal dari pelbagai segi. Misalnya keluasan yang terhad, keadaan ruang yang terbuka, dan hanya terdapat satu ruang sempit dan ruang ini tidak mampu memuatkan bilangan penduduk yang ramai.

Balai raya ini telah dijadikan tempat perjumpaan dan tempat bermesyuarat seluruh anggota komuniti di Batu Tiga. Setelah balai raya baru dibina, fungsi dan peranan balai raya lama semakin hilang. Sebaliknya kini ia hanya menjadi

lambang keunikan dan menjadi mercu tanda kampung Orang Asli Batu Tiga.

Balai raya baru yang juga dikenali dengan nama Dewan Serba Guna (DSG) didirikan berhampiran dengan rumah *Mamak Batin*. Ia dibina dalam bentuk dua tingkat, dan berasaskan ciri-ciri reka bentuk rumah Melayu moden. Tingkat bawah bangunan ini dibina dari simen, dan tingkat atasnya dibina dengan menggunakan bahan asas yang terdiri dari kayu. Tangga turut dibina pada bahagian sisi bangunan menghala pintu masuk ke tingkat atas. Di tingkat bawah bangunan ini juga disediakan bilik air dan tandas. Selain dari itu bangunan ini juga turut dilengkapi dengan kemudahan bekalan elektrik dan paip air. Kos penyelenggaraan bangunan ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak JHEOA. Dari segi keluasan, bangunan ini mampu memuatkan kira-kira 100 - 120 orang dalam satu masa.

Menurut salah seorang daripada kakitangan JHEOA, Dewan Serba Guna dibina berdasarkan tiga fungsi utama. Pertama sebagai tempat perjumpaan dan mesyuarat. Kedua sebagai tempat untuk pelajar pra sekolah dan kelas memasak, dan ketiga sebagai surau (khususnya di tingkat atas bangunan ini).

Penduduk di sini telah melahirkan rasa kurang senang dengan fungsi tingkat atas bangunan DSG ini. Fungsi tingkat

atas ini telah menyebabkan penduduk Batu Tiga yang sebahagian besar berpegang kuat kepada kepercayaan animisme dan beragama kristian, tidak pernah manaiki dan memasuki ruang ini. Keengganan mereka memasuki ruang ini dipengaruhi oleh tanggapan bahawa pihak jabatan cuba memaksa mereka memeluk agama Islam.

Salah seorang daripada penduduk setempat melahirkan rasa kurang senang dengan menyatakan,

'Hok rasa pelik, kenapa Dewan Serba Guna di semuak kampung Urang Asli adak surau? Hok samak urang kampung bukan Islam.... kenapa mesti adak surau?

Atau dalam Bahasa Melayunya,

'Saya merasakan agak pelik, kenapa DSG di semua perkampungan Orang Asli mempunyai surau? Saya dan orang kampung bukan beragama Islam.... kenapa mesti ada surau?

Bentuk pembangunan infrastruktur dirancang yang lain dan didapati di Batu Tiga termasuk padang permainan kanak-kanak, gelanggang badminton, dan sebuah padang bola. Padang permainan kanak-kanak ini dilengkapi dengan alat permainan seperti papan gelungsur, jongkag jongkit, dan buaian.

Padang permainan kanak-kanak ini dibina berhampiran dengan DSG. Sementara padang bola yang terletak di seberang jalan kampung ini. Ia dihasilkan dengan kerja sama golongan belia kampung ini. Setiap petang padang permainan, padang bola dan gelanggang bandminton akan menjadi tumpuan penduduk kampung.

4.3 Penglibatan Agensi-agensi Kerajaan

Penglibatan semua pihak amat diperlukan khususnya kumpulan perencana yang profesional, berdedikasi, dan komited dalam melaksanakan rancangan pembangunan. Kewujudan golongan pakar amat penting untuk manghayati aspirasi negara dan masyarakat tempatan.

Golongan pelaksana merupakan pihak yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pelan pembangunan. Mereka ini terdiri dari golongan pentadbir dari sektor awam dan swasta. Penglibatan kedua-dua sektor ini amat diperlukan untuk menjayakan perlaksanaan rancangan pembangunan.

Dalam hal ini JHEOA telah diberi tanggungjawab sepenuhnya bagi membantu membangun dan memajukan masyarakat Orang Asli seluruh negara. Walaupun tugas ini diserahkan kepada JHEOA, namun tugas ini tidak mampu dijalankan secara bersendirian. Bantuan dari agensi-agensi lain amat diperlukan bagi memastikan usaha yang dilaksanakan berupaya

mencapai matlamat. Antara agensi kerajaan yang turut sama memberi sumbangan dalam berbagai bentuk seperti Pejabat Kesihatan Daerah, Pusat Kesihatan, Pejabat Daerah, dan Pejabat pertanian. Fungsi dan peranan agensi-agensi ini tidak boleh diabaikan dalam usaha membangunkan masyarakat Orang Asli.

4.3.0 JHEOA

Dalam merangka rencana pembangunan untuk kemajuan dan peningkatan taraf sosio ekonomi masyarakat Orang Asli, pihak JHEOA merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan bagi mengurus dan mentadbir masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli merupakan satu-satunya komuniti di Malaysia yang mempunyai jabatan khusus yang dibentuk bagi menjaga kebajikan dari segi sosio ekonominya. Memandangkan masyarakat ini merupakan golongan termiskin seperti yang dinyatakan oleh Baharon (1972). Orang Asli merupakan penduduk yang paling terkebelakang dari segi ekonomi, jika dibandingkan dengan masyarakat Malaysia yang lain.

JHEOA telah ditubuhkan pada tahun 1954, tujuan asal penubuhan agensi pada mulanya bagi menghapuskan penularan pengaruh komunis di kalangan Orang Asli. Penularan pengaruh komunis di kalangan Orang Asli terbentuk melalui kerjasama yang wujud di antara Orang Asli dan Gerila MPAJA.

Dalam hubungan ini Orang Asli telah dikatakan memainkan peranan sebagai;

- i. Pembekal bahan makanan sama ada yang dibeli atau dari kedai atau dari hasil tanaman yang terancang.
- ii. Berfungsi sebagai pemandu atau pengangkut barang-barang pengganas komunis.
- iii. Membina penempatan sementara kepada pengganas komunis.
- iv. Dalam sesetengah kes mereka turut sama berjuang bersama-sama pengganas komunis.
- v. Memberi maklumat tentang pergerakkan pasukan keselamatan kepada pihak komunis, dan ini merupakan sumbangan mereka yang paling penting kepada pengganas komunis. Nyawa pengganas komunis amat bergantung kepada bantuan Orang Asli (Carey b:1970).

Menyedari bahaya ancaman pengganas komunis dan penularan pengaruh di kalangan Orang Asli telah menyebabkan Kerajaan British telah mengemukakan usul untuk menubuhkan satu jabatan khas. Pada tahun 1954 dengan rasminya JHEOA ditubuhkan bagi menangani masalah ini, di samping meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Orang Asli.

Terdapat tiga objektif utama JHEOA dalam menangani isu

Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Laporan Tahunan JHEOA:1991).

- i. Mewujudkan masyarakat Orang Asli yang dapat disatupadukan dengan masyarakat Malaysia yang lain di negara ini melalui proses pembangunan sosio ekonomi.
- ii. Membangunkan masyarakat Orang Asli supaya dapat berdikari melalui amalan memajukan diri, semangat gotong royong, dan berkopersi.
- iii. Menentukan semua hasrat dan cita-cita di dalam 'panduan tugas pembangunan Orang Asli di dalam masyarakat moden' serta perkara-perkara yang termaktub di dalam Akta 134 Akta Orang Asli, 1954 (yang disemak 1974) dapat dicapai.

Dalam usaha mencapai matlamat dan objektif JHEOA untuk membawa Orang Asli seiring dengan masyarakat Malaysia yang lain dalam pelbagai bidang 10 strategi telah dibentuk.

- i. Memodenkan sistem hidup semua kaum Orang Asli bersetujuan dengan keperluan zaman.
- ii. Mewujudkan masyarakat Orang Asli yang sihat dan cergas.
- iii. Meyakinkan masyarakat Orang Asli terhadap peluang pendidikan anak-anak dan kemahiran mereka untuk menghadapi masa depan yang lebih cerah.

- iv. Melahirkan golongan belia Orang Asli yang dalam bidang usahawan dan lain-lain.
- v. Meyakinkan masyarakat Orang Asli tentang Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) di kawasan pendalaman, dan lain-lain rancangan kerajaan bertujuan bagi menjamin kehidupan masa depan mereka.
- vi. Menggalakan kewujudan pusat-pusat pertumbuhan melalui penyusunan semula kampung-kampung tradisi dan rizab Orang Asli di kawasan-kawasan pinggir.
- vii. Mempertingkatkan kegiatan Orang Asli dalam kebudayaan dan kesenian untuk tujuan pembangunan dan pelancungan.
- viii. Membasmi kemiskinan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bilangan Orang Asli yang tergolong sebagai rakyat termiskin.
- ix. Penerima pendekatan penswastaan sebagai strategi pembangunan kawasan Orang Asli.
- x. Menentukan pentadbiran pembangunan yang lebih berkesan selaras dengan arus pembangunan.

Umumnya peranan dan fungsi JHEOA boleh dilihat mengikut urutan masa seperti yang dicatat dalam Muzakarah Penyelarasan Aktiviti Dakwah di kalangan Orang Asli peringkat Negeri Pahang. Bermula dengan penubuhan JHEOA 1954 atas sebab-sebab keselamatan kerana didapati pada masa tersebut didapati seramai 20, 000 Orang Asli dipengaruhi

oleh ancaman komunis.

Kemudian setelah satu dasar baru diperkenalkan oleh JHEOA pada tahun 1961, fungsi yang dimainkan oleh JHEOA telah berubah. JHEOA berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat umum yang lain.

Menjelang 1990 pentadbiran JHEOA telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada peringkat ini fungsi dan peranan JHEOA lebih menekankan kepada pembangunan sosio ekonomi dan pembangunan insan masyarakat Orang Asli.

Pada tahun 1994 sekali lagi pentadbiran JHEOA dipindahkan pentadbiranya dan diletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Matlamat, objektif, strategi, bidang, dan struktur pentadbiran masih dikekalkan. Walau bagaimanapun kumpulan sasaran telah diperluaskan dan tumpuan diberikan kepada golongan sasaran seperti kanak-kanak, remaja dan juvana, wanita, warga tua, orang cacat, golongan miskin dan papa, keluarga, dan komuniti.

Sebagai sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan dan kebijakan serta meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Orang Asli, satu organisasi

pentadbiran telah dibentuk dan dibahagikan kepada tiga peringkat. Pertama peringkat Persekutuan, kedua peringkat Negeri, dan yang ketiga peringkat Daerah.

Bermula dengan Ketua Pengarah JHEOA diperingkat persekutuan, beliau berperanan untuk mengawal dan menyelaras pentadbiran JHEOA. Tugas Ketua Pengarah JHEOA ini dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah dan dibantu oleh Penolong Ketua Pengarah 1 dan 11. Pembahagian bidang tugas ini jelas direncanakan khusus merangkumi perkara-perkara berikut;

- a. Pentadbiran dan kewangan.
- b. Ekonomi dan binaan.
- c. Kesihatan dan perubatan.
- d. Penyelidikan dan penerangan.
- e. Pendidikan.
- f. Latihan.
- g. Rancangan pengumpulan semula.
- h. Perhubungan dan gerakan.

Bagi negeri-negeri yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada Orang Asli, JHEOA dibentuk diperingkat negeri. Antara negeri yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada Orang Asli ialah Perak, Kedah, Pahang, Kelantan, Trengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor. Hanya Negeri Pahang dan Johor sahaja

yang mempunyai cawangan JHEOA negeri, dan yang selebihnya digabungkan kerana mempunyai bilangan Orang Asli yang kecil jumlahnya. Diperingkat negeri pentadbiran JHEOA diketuai oleh Pengarah Cawangan Negeri.

Pengurusan pentadbiran JHEOA diperingkat daerah merupakan peringkat paling bawah dalam hiraku pentadbirannya. Diperingkat ini pengurusan Orang Asli diketuai oleh Pegawai Orang Asli Daerah. Sehingga tahun 1990 terdapat 34 orang Pegawai Orang Asli Daerah diseluruh negara. Pegawai Orang Asli Daerah ini tidak bersendirian dalam menjalankan tugas kerana ia dibantu oleh Pentadbir Pos dan Pengurus Projek. Diseluruh negara sehingga tahun 1990 terdapat seramai 133 Pentadbir Pos dan Pengurus Projek.

Pentadbiran Masyarakat Orang Asli Daerah Rompin berpusat di Pejabat Orang Asli Daerah, yang terletak kira-kira satu kilometer dari bandar Rompin. Ianya diketuai oleh seorang Pegawai Orang Asli Daerah. Sebagai sebuah pusat pentadbiran daerah, maka bidang kuasa yang telah diperuntukan merangkumi lima mukim yang terdapat di daerah ini. Mukim-mukim itu terdiri daripada Keratong, Rompin, Endau, Pontian, dan Tioman. Walau bagaimanapun taburan masyarakat Orang Asli lebih tertumpu di mukim Keratong, Rompin, dan Endau. Berdasarkan pembahagian mengikut mukim ini, didapati Kampung Langkap terletak di dalam mukim

Keratong, dan Kampung Batu Tiga terletak di dalam mukim Rompin.

Segala bentuk urusan pentadbiran berhubung dengan masyarakat Orang Asli bagi daerah ini akan dirujukan kepada Pegawai Orang Asli Daerah. Disebabkan keluasan Daerah Rompin ini terlalu luas, maka didapati ada di antara sesetengah penduduk kampung tidak pernah sampai ke Rompin yang menjadi pusat pentadbiran daerah. Contoh yang paling jelas berlaku di kalangan penduduk di Langkap, didapati lebih separuh dari jumlah penduduk di sini tidak pernah sampai ke Rompin.

JHEOA sebagai agensi utama yang dipertanggungjawabkan bagi membantu memaju dan membangunkan masyarakat Orang Asli telah merangka unit-unit khas untuk tujuan ini. Unit-unit ini terdiri dari unit pentadbiran dan kewangan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perubatan, ekonomi dan binaan, penyelidikan dan penerangan, perhubungan dan gerakan, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), dan unit latihan.

Di bawah unit ekonomi dan binaan misalnya, berbagai projek telah dilaksanakan, antaranya projek pembangunan tanah, perusahaan dan industri, bimbingan usahawan, ternakan dan perikanan, dan pembelian alat-alat jentera. Sementara di bawah unit latihan, para belia Orang Asli

diberi kursus seperti asas pertukangan rotan, lanjutan pertukangan rotan, Asas pertukangan kayu, mekanik kereta dan motosikal, dan kursus bina semangat khusus untuk para pelajar sekolah.

Walau bagaimanapun tidak semua projek-projek pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan mencakupi semua kawasan penempatan Orang Asli. Misalnya di bawah program latihan hanya seorang daripada penduduk Batu Tiga dihantar untuk kursus persolekan dan andaman pada tahun 1994. Selain dari itu terdapat projek ternakan dan projek pembinaan rumah PPRT yang telah dilaksanakan di Batu Tiga (sila rujuk bahagian pembangunan ekonomi dan sosial).

4.3.1 Agensi-Agenzi Lain

Agensi-agensi kerjaan yang lain turut sama membantu dan memberi sumbangan dalam usaha membangunkan masyarakat Orang Asli. Antara yang terlibat seperti Pejabat Kesihatan, Pusat Kesihatan, Pejabat Daerah, dan Jabatan Pertanian.

Dalam usaha meningkatkan mutu kesihatan, pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan seperti hospital, pejabat kesihatan, dan pusat-pusat kesihatan. Pejabat Kesihatan Daerah berperanan penting dalam mengurus dan menyelenggarakan program-program kesihatan. Untuk itu Pejabat Kesihatan Daerah Rompin membentuk enam unit kawalan

yang membantu masyarakat setempat termasuk Orang Asli mencapai mutu kesihatan yang baik. Unit-unit tersebut terdiri dari unit kesihatan keluarga, unit kawalan penyakit berjangkit, unit rancangan kawalan penyakit bawaan vektor, unit bekalan air minuman dan kebersihan alam sekitar, unit kawalan mutu makanan, dan unit kawalan mutu air minuman.

Menerusi Unit Kesihatan Keluarga perkhidmatan diberi tumpuan kepada ibu-ibu mengandung dan kesihatan kanak-kanak serta menggalakan pembentukan keluarga sihat. Ia merangkumi perkara-perkara menggiatkan usaha mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu khususnya di kawasan yang dikenal pasti mengalami kadar kematian yang tinggi.

Selain itu program ini juga menjalankan usaha memberi imunisasi kepada ibu dan kanak-kanak, di samping memberi bantuan makanan berkhasiat kepada mereka yang terlibat terutamanya di kawasan yang mengalami kadar kematian yang tinggi.

Aktiviti di bawah program kesihatan keluarga turut menyediakan Pusat Kesihatan dan Klinik Bidan di kampung-kampung, 'perjumpaan klinik' atau sesi klinik yang dijalankan di tempat-tempat awam seperti Dewan Orang Ramai, sekolah, dan di rumah-rumah penduduk kampung.

Komuniti Orang Asli di Daerah Rompin turut menerima

faedah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Bagi mereka yang tinggal di kawasan pendalaman dan berada jauh dari pusat-pusat kesihatan dan hospital, pihak Kementerian Kesihatan telah menyediakan pasukan kesihatan bergerak. Pasukan ini mengunjungi kampung-kampung Orang Asli secara berkala dan kebiasaannya kunjungan dilakukan sebulan sekali.

Penduduk di Langkap berpeluang mendapatkan khidmat kesihatan dari Pusat Kesihatan Muadzam Shah yang terletak kira-kira 12km dari Langkap. Perkhidmatan yang ditawarkan lebih memberi penekanan kepada kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak. Melalui kunjungan ini ibu mengandung dan kanak-kanak yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil masih dapat menerima rawatan (lihat gambar 23).

Selain daripada memberi rawatan, unit ini turut menyediakan bantuan makanan atau juga dikenali sebagai 'bakul' kepada kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan zat makanan. Bungkusan ini diberikan kepada kanak-kanak yang berusia di antara 6 bulan sehingga 7 tahun sahaja. Di Kampung Langkap sehingga bulan Jun 1994 hanya terdapat dua kelamin sahaja yang menerima 'bakul'.

Kandungan 'bakul' yang diberikan oleh setiap pusat kesihatan adalah berbeza di antara satu pusat kesihatan dengan pusat kesihatan yang lain.



Gambar 23 : Penduduk Langkap Menerima Rawatan.

Bagi masyarakat Jakun di Kampung Langkap kandungan 'bakul' yang diberikan mengandungi bahan-bahan seperti dibawah.

| | | |
|------------|---|---------|
| Tepung | - | 4kg |
| Beras | - | 6kg |
| Majerin | - | 250gm |
| Gula | - | 2kg |
| Ikan Bilis | - | 1kg |
| Biskut | - | 2kg |
| Susu | - | 1kg |
| Vitamin C | - | 1 botol |

Aktiviti penyediaan makanan berkhasiat turut dilakukan oleh para jururawat bertugas khusus di kampung-kampung Orang Asli yang mengalami masalah kekurangan zat makanan. Demonstrasi memasak makanan berkhasiat dilakukan sekiranya perlu, contohnya cara memasak nasi majerin, kuih tepung, bubur nasi, bubur kacang dan lain-lain. Demonstrasi yang dibuat adalah berdasarkan kandungan 'bakul' yang diberikan².

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan didapati sambutan masyarakat Orang Asli terhadap perkhidmatan kesihatan bergerak ini amat baik sekali. Seluruh penduduk kampung akan bercuti pada hari kunjungan klinik bergerak ini khususnya ibu dan kanak-kanak. Mereka akan berkumpul beramai-ramai di pondok yang telah dikhaskan.

Apa yang menarik di sini ialah, tujuan utama mereka berkumpul bukan disebabkan mereka mempunyai kesedaran tentang kesihatan yang tinggi, tetapi sebaliknya lebih kepada tujuan bagi mendapatkan 'bakul'. Bagi keluarga yang tidak mendapat bakul mereka melahirkan rasa tidak puas hati dengan keadaan tersebut.

Fenomena ini berlaku disebabkan masyarakat Jakun di Kampung Langkap berada pada tahap kemiskinan yang kritikal. Mereka mengalami masalah kekurangan makanan, dan

². Semasa kunjungan petugas dari Pusat Kesihatan Muadzam ke Langkap, demonstrasi memasak kuih bawang telah dilakukan.

menyebabkan mereka amat bergantung kepada 'bakul-bakul' ini. Oleh itu bagi mengelakan pertelingkahan di kalangan penduduk berlaku, maka kandungan 'bakul-bakul' yang diberikan dibungkus semula. tujuannya supaya sekurang-kurangnya setiap orang yang menerima rawatan akan mendapat sedikit makanan. Program ini dikira berjaya kerana keupayaannya menarik minat Orang Asli untuk mendapatkan rawatan.

Di Kampung Batu Tiga, masyarakat di sini juga berpeluang menerima rawatan kesihatan yang lebih baik. Mereka boleh mendapatkan rawatan sama ada secara terus ke Hospital Rompin, 'perjumpaan klinik', atau ke klinik swasta. Kedudukan ekonomi masyarakat di sini yang lebih stabil mengizinkan mereka mendapat rawatan yang lebih baik, di samping kedudukan kampung yang lebih mudah dihubungi. Soal penerimaan 'bakul' bukan menjadi tujuan utama mereka mengunjungi 'perjumpaan klinik' ini kerana kesedaran tentang kesihatan di kalangan komuniti di Batu Tiga jauh lebih baik jika dibandingkan dengan di Langkap.

Fungsi dan peranan Pejabat Kesihatan Daerah juga penting, khususnya dalam usaha mengawal penyakit berjangkit bawaan vektor. Program ini membentuk strategi dan mengadakan aktiviti pengawalan dan pencegahan penyakit bawaan vektor seperti malaria, denggi, *Filariasis*, *tifus*, dan *Japanese B. Encephalitis*. Berdasarkan laporan Pejabat

Kesihatan Daerah Rompin bagi tahun 1993, kes malaria merupakan masalah utama penyakit berjangkit bawaan vektor. Di Kampung Langkap misalnya sehingga minggu ke 18 tahun 1994 terdapat dua kes demam Malaria dilaporkan. Walaupun ia hanya merupakan hanya dua kes namun ia sudah dikira wabak yang perlu dicegah.

Bentuk kawalan Malaria dilakukan melalui penyemburan dengan menggunakan DDT 2% E.C atau DDT 75% wdp, pada struktur atau rumah di kawasan yang terdapat Malaria. Untuk kes malaria sembura kabus atau pendebuan asap dilakukan (lihat gambar 24).



Gambar 24 : Petugas Ini Sedang Melakukan 'Forgging' di Kampung Langkap.

Pengesan Malaria dilakukan dengan mengambil sample darah sekurang-kurangnya 80% dari jumlah penduduk untuk dianalisa. Sebelum sample darah diambil oleh para petugas unit, penduduk kampung perlu dikumpulkan terlebih dahulu. Oleh itu bagi menarik perhatian penduduk kampung tayangan wayang gambar diadakan.

Melalui bantuan unit pendidikan kesihatan, wayang gambar ditayangkan secara percuma kepada penduduk kampung. Tayangan gambar ini mempunyai tarikan kuat kepada Orang Asli memandangkan mereka jarang berpeluang mendapat hiburan.

Sepanjang tempoh tiga bulan bersama penduduk Langkap masyarakat di sini berpeluang menonton wayang gambar sebanyak dua kali. Kali pertama semasa sample darah diambil, dan kali kedua semasa program KUMTIS diadakan.

Menerusi Unit Bekalan Air Masyarakat Luar Bandar dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) masyarakat luar bandar Daerah Rompin berpeluang mendapat bekalan air bersih dan sistem pembuangan najis yang lebih sempurna.


Melalui unit ini juga kerja-kerja pembinaan tandas curah, telaga terkawal, pelupusan sampah sarap, dan air limbahan diberi penekanan. Kampung-kampung Orang Asli juga tidak ketinggalan menerima bekalan air bersih oleh unit

ini. Air bersih boleh diperolehi menerusi telaga pam tangan. Satu telaga pam biasanya dikongsi antara 5 - 15 buah rumah. Unit ini melaksanakan projek secara bergotong royong dengan penduduk kampung untuk memudah dan mempercepatkan kerja-kerja pembinaan.

Di Kampung Langkap penglibatan unit ini jelas kelihatan menerusi pembinaan tandas curah kepada penduduk (lihat gambar 25). Penduduk diminta menggali lubang mengikut ukuran yang telah ditetapkan, dan unit ini bersama para petugasnya akan membina tandas tersebut.

Unit ini juga cuba menyediakan sumber bekalan air bersih kepada penduduk di Langkap. Tetapi malangnya usaha ini gagal dilakukan kerana kesulitan sistem perhubungan. Disebabkan jambatan yang menghala ke kampung ini rosak maka usaha ini terbantut.

Penduduk di Batu Tiga turut menerima khidmat yang diberikan oleh unit BAKAS. Tandas-tandas curah dibina di setiap rumah penduduk. Selain itu telaga pam turut disediakan bagi mendapatkan bekalan air bersih. Walau bagaimanapun kebanyakan telaga pam di kampung ini telah rosak, dan usaha memperbaikinya masih belum dilakukan.



Gambar 25 : Penduduk Langkap Sama-Sama Membantu Menyediakan Tandas Curah.

Selain dari JHEOA, Pejabat Kesihatan, dan Pusat Kesihatan yang telah memainkan peranan penting terhadap pembangunan masyarakat. Keterlibatan Pejabat Daerah dan Jabatan Pertanian dalam usaha ini tidak seharusnya diketepikan. Fungsi dan peranan Pejabat Daerah serta Jabatan Pertanian sebenarnya tidak mengkhususkan bidang tugas mereka kepada masyarakat Orang Asli. Sebaliknya bidang tugas kedua-dua agensi ini bersifat menyeluruh tanpa mengira kaum dan meliputi semua lapisan masyarakat. Sikap bekerja sama yang tonjolkan oleh agensi ini harus

dipuji, kerana keupayaan mereka melaksanakan seruan kerajaan untuk saling membantu memajukan masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun kedua-dua agensi ini hanya akan bekerja sama dengan JHEOA sekiranya pihak jabatan membuat permohonan. Ini boleh dilihat menerusi program KUMTIS yang telah dijalankan di Langkap. Kedua-dua agensi ini telah diundang untuk sama-sama mendengar masalah yang dihadapi dan bentuk bantuan yang diinginkan. Permohonan tersebut akan cuba dipenuhi sekiranya didapati bersesuaian dengan bidang tugas mereka.

Jabatan Pertanian misalnya telah memberi bantuan dalam bentuk benih sayuran, dan menyediakan bantuan teknik kepada penduduk Langkap. Bantuan teknik ini melibatkan perkara-perkara seperti penghasilan batas mengikut standat, ukuran jarak di antara anak-anak benih, kaedah bagi mengelakan biji benih dari dihanyutkan air hujan, kaedah pembajaan, dan sebaginya.

Fungsi dan peranan Pejabat Daerah juga tidak jauh bezanya dengan Jabatan Pertanian dari segi kelompok sasaran. Bidang tugasnya merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk Orang Asli. Sumbangan yang diberikan oleh Pejabat Daerah amat bermakna khususnya kepada penduduk Langkap. Salah satu dari sumbangan terpenting dan amat

bermakna yang diberi oleh Pejabat Daerah ialah jalan tidak berturap, dan projek tanaman tebu secara komersial. Sumbangan yang diberikan ini menjadi titik tolak penting kepada penduduk di Langkap untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi mereka yang selama ini hanya tertumpu kepada aktiviti *berbuluh* dan *berotan*. Sumbangan ini merupakan projek pembangunan ekonomi, dan sosial yang pertama diterima oleh penduduk di Langkap.

Pembinaan jalan baru menuju ke kampung ini menjadi penghubung utama penduduk dengan dunia luar. Jalan ini merupakan satu-satunya saluran yang ada untuk membawa unsur-unsur pembangunan dan perubahan. Tanpa jalan baru ini penduduk di Langkap akan terus ditinggalkan oleh arus pembangunan. Jalan lama menuju ke kampung ini yang terletak di tengah-tengah lombong pasir telah terputus akibat banjir. Keadaan ini menyebabkan penduduk kampung ini terputus hubungan dengan masyarakat luar. Penjaja kuih, penjual barang, penjual ais krim, dan penjual kain tidak lagi dapat memasuki kampung ini. Disebabkan masalah perhubungan juga, menyebabkan unit penggerudi Kementerian Kesihatan terpaksa membatalkan projek pembinaan telaga pam di Langkap tidak dapat dilaksanakan.

Sebelum pembinaan jalan ini diluluskan pihak Pejabat Daerah meminta penduduk kampung menyediakan pelan jalan tersebut. *Batin Angkut* selaku ketua Kampung Langkap telah

meminta jasa baik pengkaji untuk membantu melakarkan pelan jalan tersebut. Untuk itu pengkaji telah sama-sama mengikuti rombongan seramai enam orang yang terdiri dari penduduk kampung mencari 'trek' untuk pelan tersebut. Dengan memancas atau menebas kawasan mengikut laluan yang dikira paling sesuai, maka pelan tersebut dapat dihasilkan.

Pembinaan jalan ini merentasi kawasan hutan sepanjang kira-kira lima kilometer sebelum merentasi jalan yang dibina oleh DARA di penghujungnya, dan seterusnya menuju jalan utama ke bandar Muadzam Shah sejauh 12 km. Dengan pembinaan jalan ini menyebabkan penduduk di Langkap dapat menjimatkan masa untuk ke Bandar Muadzam Shah. Di samping itu penduduk tidak lagi menghadapi masalah terputus hubungan dengan dunia luar.

Sementara perlaksanaan projek tanaman tebu secara komersial juga adalah hasil peruntukan yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah di bawah Program Pembangunan Luar Bandar (PLB).

Menerusi program pembangunan dirancang yang dilaksanakan oleh JHEOA untuk kampung-kampung Orang Asli, didapati Kampung Batu Tiga lebih mendapat manfaat berbanding dengan Kampung Langkap. Situasi ini dipengaruhi oleh kemudahan sistem perhubungan yang sedia ada. Kedudukan Kampung Batu Tiga yang berhampiran dengan pejabat

pentadbiran JHEOA dan agensi-agensi lain memudahkan ia dimasuki oleh semua jenis kenderaan menjadi faktor utama kenapa kampung ini lebih diberi perhatian. Namun fenomena ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk membiarkan Kampung Langkap tanpa menerima sebarang projek pembangunan. Hakikatnya Kampung Langkap boleh dibangunkan seperti kampung-kampung Orang Asli yang lain sekiranya diberi bantuan oleh pihak terbabit.